

21/06/2002

`Orang Melayu gagal hayati ajaran Islam'

SISTEM pendidikan yang menjadikan Islam sebagai mata pelajaran, antara punca orang Melayu gagal menjadi umat Islam yang baik.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata sistem pendidikan hari ini hanya menekankan Islam sebagai satu mata pelajaran tanpa menekankan pembinaan karektor, perwatakan, keperibadian, personaliti dan akhlak.

Beliau berkata, sistem pendidikan sepatutnya menggabungkan aspek rohani, jasmani dan akli.

"Ilmu saja tidak menjadikan orang Melayu warga negara yang baik tanpa menggabungkan pembangunan moral dan akhlak.

"Ini kerana dalam Islam, ilmu itu gabungan rohani, jasmani dan akli," katanya ketika mengulas reaksi ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Persidangan Agung Umno.

Dr Ismail yang juga bekas Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), berkata masalah keruntuhan keluarga pula disebabkan undang-undang keluarga Islam yang ketika ini tidak mengikut perubahan semasa.

"Undang-undang keluarga Islam perlu diberi perhatian dan dikaji semula, manakala ilmu keibubapaan perlu ditekankan mengikut perubahan semasa," katanya.

Ditanya mengenai hukum hudud dan qisas yang mahu diperkenalkan kerajaan Pas Terengganu, Dr Ismail berkata, Perdana Menteri bukan menolak hukum Islam tetapi mahu apa yang hendak dilaksanakan perlu adil.

Katanya, al-Quran ada menyebut bahawa sekiranya mahu menghukum seseorang, hukumlah dengan adil.

"Dr Mahathir bukan menolak hukum hudud tetapi meminta ia dilaksanakan tanpa mengenyahkan asas keadilan," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata ucapan Presiden mengesahkan Malaysia sebagai negara Islam berdasarkan kebenaran.

"Kita tidak berkhayal kerana bukan saja diiktiraf di rantau ini, malah pada peringkat antarabangsa, terutama penghormatan yang diberikan kepada pemimpin negara untuk menyuarakan pendapat pada peringkat global," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi, Tan Sri Dr Yusof Noor, berkata ucapan Dr Mahathir membuktikan Pas memperalatkan Islam bagi memenuhi agenda perjuangan mereka.

"Sebenarnya parti pembangkang itulah yang menjadi perampas kepada Islam yang cuba menimbulkan keadaan huru-hara di kalangan masyarakat Islam," katanya.

(END)